

12 JAN 2004

SALCON-PERTUMBUHAN

SALCON YAKIN DENGAN PERTUMBUHAN INDUSTRI AIR DAN KUMBAHAN

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Salcon Bhd optimistik dengan masa depan kumpulan setelah perkembangan terkini dalam industri air dan kumbahan di peringkat dalam dan luar negara yang melengkapkan inisiatif strategik yang ditetapkan oleh pihak pengurusan.

Pengerusinya, Tan Sri Razali Ismail berkata kerajaan memberi penekanan yang lebih dalam pembangunan infrastruktur air dalam negara. Air telah dikenalpasti sebagai sektor yang diberi keutamaan untuk pembangunan di Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK8).

Salcon terlibat dalam mereka bentuk, membina, menjalankan operasi dan mengekalkan air bersih perbandaran, kumbahan dan kemudahan air sisa buangan.

"Sejumlah RM3.97 bilion telah diperuntukan bagi sektor air di bawah RMK8, yang merupakan 66 peratus lebih tinggi daripada perbelanjaan kerajaan di bawah RMK7," kata beliau dalam laporan tahunan pertama syarikat dan kumpulan untuk tempoh mulai tarikh diperbadankan pada 31 Julai, 2003, yang dikeluarkan hari ini.

Beliau berkata kerajaan telah membangunkan rancangan di bawah Pelan Induk Sumber Air Negara di mana kerja-kerja pembangunan dijangka bernilai RM51.9 bilion bagi tempoh 50 tahun (2000-2050).

Pada Julai 2003, Menteri Kerja Raya Datuk Sri S Samy Vellu mengumumkan bahawa kerajaan persekutuan akan mengawal pengurusan air daripada kerajaan negeri menjelang akhir 2003 selepas berbincang mengenai perkara itu pada mesyuarat Majlis Air Kebangsaan yang diadakan di Putrajaya, dengan dipengerusikan oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Kami juga melihat kepada peluang dalam air bukan sumber (NRW) memandangkan ia menangani isu kebocoran paip dan memastikan kecekapan pengagihan air yang dikeluarkan.

"Dalam RMK8, kerajaan memperkenalkan strategi penjimatan dan

pengurusan
permintaan bagi mengurangkan NRW daripada 39 peratus pada tahun 2000
kepada
31 peratus pada 2005," katanya.

Buat masa ini, Salcon melaksanakan projek NRW di Sandakan,
Sabah.

"Dengan rekod prestasi yang baik di Malaysia, Vietnam dan
Thailand,
syarikat akan telah terus meneroka pasaran baru seperti China yang
pasarannya menyediakan peluang yang luas bagi memanfaatkan konsesi
bina-laksana-pindah bagi memperbaiki aliran pendapatan kukuh
kumpulan bagi
jangka panjang.

"Kami menjangka pasaran sistem pembuangan air limbah akan
mengekalakan
aktivitinya untuk sekurang-kurangnya dalam jangka pendek,
memandangkan
terdapat permintaan yang berterusan dan minat yang diperbaharui
dalam
segemn tertentu pasaran hartanah disertai dengan inisiatif kerajaan
untuk
merangsang sektor pembinaan," kata Razali. -- BERNAMA

FAI OS NHD